





NILAI EKSKLUSIF

Atikah

Songket

BUKAN MUDAH UNTUK MENGEKALKAN SESEBUAH PERNIAGAAN WARISAN YANG DIMULAKAN ORANG TUA. SEKIRANYA TIADA MINAT YANG MENDALAM. LEBIH-LEBIH LAGI PERNIAGAAN YANG DIUSAHAKAN MELIBATKAN WARISAN TEKSTIL NEGARA, SONGKET YANG BEGITU EKSKLUSIF NILAINYA PADA MASA KINI.

Bagi Noriah Ashari, generasi kelima menguruskan perniagaan Atikah Songket yang terletak di Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur ini, kehalusan seni pembuatan songket menjadikan ia produk warisan eksklusif yang masih menerima permintaan biarpun ia semakin berkurangan.

"Atikah Songket ini sudah mencecah 30 tahun sejak ia mula ditubuhkan ibu saya. Jadi, sebagai generasi kelima menguruskannya, saya rasa bertanggungjawab untuk meneruskan perniagaan keluarga ini dengan apa yang diamalkan sebelum ini.

"Songket ini, pasarannya adalah pelbagai kerana tidak hanya terhad kepada pembuatan pakaian sebaliknya songket boleh digunakan sebagai cenderahati berbentuk sarung bantal, beg serta alas meja. Itulah yang saya lakukan apabila ada songket yang bahagian tertentu

rosak atau tidak boleh digunakan.


"Kerana pada saya, kenapa perlu buang keseluruhan songket itu sedangkan ada bahagian yang boleh digunakan? Songket ni tak lapuk dek hujan, tak legang dek panas. Itulah istimewanya songket. Memang betul songket sinonim digunakan golongan diraja namun kini ia produk warisan eksklusif yang masih menerima permintaan biarpun ia semakin berkurangan.

"Bagi menghadapi persaingan yang ada di luar sana, Atikah Songket mempunyai keistimewaan sendiri. Kami menggunakan tiga lembar benang emas bersama dua lembar kapas untuk tenunan songket itu sendiri.

"Malah Atikah Songket mempunyai peminatnya. Contohnya, corak yang mendapat permintaan tinggi ialah corak tradisional iaitu potong wajik, tampuk manggis, pecah lapan, tapuk kesemak dan bunga bintang," jelas Noriah yang



Ibu dan anak yang sama-sama berganding bahu menguruskan perniagaan Atikah Songket.



Mempunyai impian untuk memperbesarkan lagi jenama Atikah Songket dengan membayangkan produk songket.

mula membuka butik Atikah Songket di TTDI pada tahun 2003.

TIDAK PERNAH MEMAKSA

Sentiasa menjadikan setiap masalah yang dihadapi memberikan pengajaran kepadanya untuk terus memajukan perniagaan. Noriah menyedari mempunyai jaringan perniagaan (networking) yang bagus adalah penting apabila melibatkan diri dalam bisnes. Disebabkan itu, Noriah menyertai Persatuan Wanita Bumiputra Dalam Perniagaan Profesion Malaysia (Peniagawati) pada 1990.

"Sebenarnya, apabila kita masuk dalam persatuan seperti Peniagawati ini, ia membantu bisnes kita dikenali secara tidak langsung. Kerana mereka yang ada dalam Peniagawati ini datangnya dari pelbagai perniagaan. Jadi, networking dari situ sudah meluas.

"Masa saya masuk, ketika itu Presidennya, Allahyarham Puan Hajah Faridah Shamsudin.



Dari sinilah, saya mengenali beliau dan menjemputnya untuk merasmikan pembukaan butik Atikah Songket.

"Apabila kita melibatkan diri dalam dunia perniagaan, networking sangat penting. Kerana setiap individu yang kita jumpa adalah berlainan dan pengalaman yang berbeza. Saya menjadikan mereka yang sudah berjaya dalam Peniagawati ini sebagai idola. Apabila mengetahui kisah kejayaan mereka, membuatkan kita lagi bersemangat untuk menaikkan bisnes Atikah Songket dan sentiasa membantu di antara satu sama lain," kata ibu kepada tiga anak ini.

Mengakui terdedah dengan perniagaan songket sejak kanak-kanak, Noriah tidak pernah memaksa anak-anaknya untuk mengikut jejak langkahnya tanpa minat. Namun beliau menyedari kesungguhan ditunjukkan anak sulung, Ku Nor Azreena, 28, dalam perniagaan ini.

Walaupun sering membawa Ku Azreena dan adiknya, Ku Nor Nadia, 27, namun si kakak lebih menunjukkan minat. Tidak pernah menyatakan secara lisan kepada ibunya. Ku Azreena membuktikannya melalui kerja-kerjanya menolong Noriah setiap kali mereka membuka booth di mana-mana persidangan mahupun di pusat membeli belah sepanjang 10 tahun yang lalu.

"Saya sedar minat Along (Ku Azreena) ni ketika membuka di salah satu booth. Dalam kesibukan melayan pelanggan, saya terpendang dia di belakang sambil memegang kertas dan pen. Bila

ditanya, rupanya dia sedang mengira dan mengasingkan lebihan stok baju Melayu kanak-kanak mengikut saiz dan warna.

"Dari situ, saya menyedari Along mampu untuk meneruskan perniagaan warisan ini. Paling membuatkan saya terharu. Along secara sukarela masuk ke Institut Kraf Negara (IKN) di Rawang selama tiga tahun demi mendalami ilmu songket. Ilmu tenunan songket memerlukan seseorang mempelajari selok-belok penghasilannya dari awal kerana teknik tenunan merupakan aspek penting untuk menghasilkan songket biasa atau eksklusif.

"Alhamdulillah, kini Along sudah mampu untuk menerangkan secara lebih mendalam tentang songket kepada pelanggan. Jika dulu dia kurang yakin dan hanya memerhati saya melayan pelanggan, sekarang dialah yang lebih bersemangat. Bukan sebarangan orang yang tahu dan mampu untuk membuat songket.

"Tempoh tenunan songket menarik dan eksklusif memerlukan masa selama enam bulan manakala songket biasa hanya dua minggu hingga tiga bulan sahaja untuk disiapkan. Along sendiri berkata kepada saya, dia jadi lebih menghargai songket dan hasil penat lelah saya dalam menguruskan Atikah Songket selepas dia sendiri belajar di IKN." ujar Noriah yang turut bersyukur kerana mendapat sokongan sepenuhnya daripada keluarga terutama suami, Ku Yahya Ku Ahmad.

GENERASI KEENAM ATIKAH SONGKET

Sementara itu, bagi Ku Azreena. Sebagai generasi keenam yang meneruskan legasi perniagaan Atikah Songket, dia harus mempersiapkan dirinya dengan ilmu agar diri lebih bersedia. Lebih-lebih lagi, perniagaan yang diuruskannya bukanlah calang-calang bidang.

"Alhamdulillah, saya mengikut gerak hati dan minat yang ada. Namun sebelum saya masuk ke IKN, saya ada meminta pendapat mama dan banyak kali juga dia bertanyakan bagi memastikan saya tidak rasa terpaksa. Mamalah yang paling gembira dengan keputusan ini.

"Saya tahu tidak mudah namun saya mengambil semangat dan passion mama. Dia begitu mencintai songket dan tidak mahu warisan ini hilang begitu sahaja tanpa ada yang menjaga. Saya akui, golongan muda sekarang ini tidak begitu meminati yang tradisional kerana mungkin dianggap tidak 'cool' namun insya-Allah, melihatkan usaha yang ada, songket pasti diterima secara lebih meluas.

"Paling saya suka, usaha mama tidak pernah putus untuk menaikkan imej songket di kalangan orang muda. Tidak dilupakan, apabila mama bersetuju untuk menaja songket buat pasangan selebriti Scha Al-Yahya dan Awal Ashaari pada hari perkahwinan mereka. Terus selepas itu, nama Atikah Songket menjadi sebutan dan penerimaan semakin bertambah" katanya yang turut menjadi personal shopper (PS) untuk jenama seperti Iman Boutique, Rina Salleh, Scarffeya dan juga Mood Republik.